

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ كَمٰا مَيْنَنْ اِسْلٰمٰكَمٰلٰي سِيَّلٰي سِرٰوْقَه

جولای - دسمبر ۲۰۱۹، ۱۵ نوڤembre - جمادی الاول ۱۴۴۱ هجرة

Bil. 3/2019



# Buletin IKMAS JAKIM



AHLI LEMBAGA: PENERAJU TRANSFORMASI IKMAS



PELANCARAN PORTAL MYIKMAS



PROGRAM MENYEMAI BAKTI  
IKMAS 2019

# Sidang Redaksi

PENASIHAT

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail

KETUA EDITOR

Karia bin Haji Rahmat

SIDANG EDITOR

Kartini binti Ahmad  
Ainuddin bin Haji Dolhakim  
Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin  
Dr. Roziah binti Haji Chek  
Mohd Chathazman bin Abdullah  
Muhamad Fadhl bin Ahmat

PENYELARAS

Shuaib bin Supani  
Nurul Sabariah binti Saini  
Muhammad Faizul bin Kanaini

JURUFOTO

Irwandy bin Sarkawi  
Abdul Hakim bin Zain (MPP)

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah  
Pejabat Pendaftar  
Jabatan Akademik  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
Jabatan Jaminan Kualiti  
Jabatan Kemahiran dan Latihan Daie  
Jabatan Pembangunan Insan

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI:  
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air  
93050 Kuching  
SARAWAK  
(u/p: Jabatan Penerbitan)  
Tel: 082-843 477, 475  
Faks: 082-843 440, 439  
E-mel: penerbitanikmas@gmail.com

## ISI KANDUNGAN

2	Sidang Redaksi
2	Isi Kandungan
2	Kalam Ketua Editor
3	Ahli Lembaga IKMAS
4	Konvokesyen IKMAS
5	Program Rehlah Ilmiyyah
5	Kursus Kepimpinan Pelajar IKMAS (Karisma) 2019
6	Majlis Penyampaian Sijil
6	Profesionalisme Imam
6	Pelancaran Portal Myikmas
7	Program Menyemai Bakti Ikmas Kali Ke-18
8	Perarakan Dan Pertandingan Sepanduk Bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sarawak 1441h/2019m
9	Jati Diri Pemimpin
10	Pengurusan Stress Menurut Perspektif Islam
11	Hari Mesra Sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Ikmas Kali Ke-17
11	Malam Kesenian Islam Sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Ikmas Kali Ke-17
12	Kursus Pemantapan Keluarga Dan Pengurusan Ibadah Pesakit
12	Lawatan Kerja Oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Lensa IKMAS
13-14	Sekalung Tahniah
15	Jom Masuk Ikmas
16	



## KALAM KETUA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya dapat kami menerbitkan Buletin IKMAS Bil. 3/2019.

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pandangan, idea, buah fikiran serta segala bantuan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Mudah-mudahan ianya merupakan rakaman memori indah yang bermanfaat untuk tatapan semua.

Fokus buletin kali ini adalah berkenaan ahli lembaga IKMAS sebagai nadi transformasi dan inovasi IKMAS. Peranan ahli lembaga juga memastikan graduan IKMAS merupakan para *dua't dan huffaz* yang berkualiti dan mempunyai daya saing yang kental terutamanya dalam menghadapi cabaran globalisasi masa kini.

Selain itu, ahli lembaga juga turut menyumbang idea untuk menaikkan taraf IKMAS ke arah kolej pengajian Islam tersohor di kepulauan Borneo. Dengan peranan dan fungsi yang disumbangkan oleh ahli lembaga, adalah diharapkan warga IKMAS, terutama para siswa dan sisi memiliki jati diri unggul untuk terus berusaha memperkasakan IKMAS sebagai sebuah pusat pengajian Islam pilihan.

Majlis istiadat penganugerahan diploma IKMAS kali ke-17 juga turut dipaparkan. Tokoh-tokoh pelajar cemerlang dalam bidang akademik, ko-kurikulum dan kepimpinan turut dipersembahkan. Pelbagai aktiviti sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Kali Ke-17 bagi tahun 2019, antaranya Hari Mesra IKMAS dan Malam Kesenian Islam turut dilaporkan. Dengan semangat "**IKMAS INSPIRASIKA**" moga-moga IKMAS terus melangkah maju jaya. Selamat membaca dan salam hormat.

Akhir kalam, selamat membaca dan salam melangkah maju.

Sekian, wassalam.



[myikmas.islam.gov.my](http://myikmas.islam.gov.my)

[ikmassarawak](#)

[penerbitanikmas@gmail.com](mailto:penerbitanikmas@gmail.com)

[ikmasjakim](#)

[@IKMASJAKIM](#)



## AHLI LEMBAGA IKMAS SESI 2019/2021

### Pengerusi:

YBhg. Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

### Ahli:

YBhg. Dato' Haji Paimuzi bin Yahya  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha  
Yang di-Pertua  
Majlis Islam Sarawak

Sahibus Samahah YBhg. Datu Haji Kipli bin Yasin  
Mufti Negeri Sarawak

YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir  
Ketua Pengarah  
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia  
(Pendidikan Tinggi)

YBhg. Dato' Dr. Zulkapli Mohamed  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

YBhg. Prof. Datin Dr. Raihanah binti Haji Abdullah  
Pengarah  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

YBhg. Tuan Haji Khalidi Bin Ibrahim  
Pengarah  
Jabatan Agama Islam Sarawak

YBhg. Dr. Rosmawati binti Mohamad Rasit  
Ketua Jabatan Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

YBhg. Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad

Encik Hamdan bin Jar'ee  
Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sarawak

### Setiausaha

YBhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail  
Pengarah  
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

### Tanggungjawab Ahli Lembaga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak adalah:

1. Membantu JAKIM memutuskan perkara-perkara dasar IKMAS;
2. Memutuskan apa-apa peraturan yang perlu dirujuk oleh Pengurusan IKMAS meliputi Peraturan Akademik, Peraturan Tatatertib Pelajar dan Garis Panduan Pengiktirafan;
3. Menimbang dan meluluskan apa-apa perakuan dan cadangan daripada Pengurusan IKMAS atau mana-mana pihak mengenai semua perkara berkaitan akademik, polisi dan operasi;
4. Mencetuskan idea pembaharuan serta merancang pengembangan dan kemajuan Pengajian Islam di IKMAS;
5. Mengenal pasti isu semasa dan melaksanakan aktiviti pemantauan ke atas perkembangan bidang akademik dan latihan supaya kemajuan IKMAS setaraf atau melebihi institusi pengajian yang lain; dan
6. Membantu Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai langkah-langkah untuk memajukan Pengajian Islam di IKMAS.



## MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN IKMAS KALI KE-17

Bermulanya sebuah institusi Islam yang telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada bulan September 2001. Sehingga ke hari ini, IKMAS telah mengadakan Majlis Konvokesyen untuk kali ke-17.

Semenjak 19 tahun penubuhannya, IKMAS telah melahirkan seramai 1,030 orang pasca graduan yang terdiri daripada 443 orang lelaki dan 587 orang perempuan. Seterusnya diikuti seramai 130 orang graduan persijilan PERAPI yakni terdiri daripada 60 orang lelaki serta 70 orang perempuan. Di majlis ini, seramai 52 orang graduan yang telah berjaya menerima segulung Diploma Dakwah Islamiyyah setelah berjaya menamatkan pengajian selama tiga tahun di IKMAS.

IKMAS amat berbesar hati dan mengucapkan sekalung tahniah kepada semua graduan khususnya kepada para penerima anugerah utama yang berjaya dengan cemerlang. Anugerah Menteri di Jabatan Perdana Menteri disandang oleh Nur Hamizah binti Superi manakala Anugerah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) disandang oleh Nur Athirah binti Ajan. Penerima Anugerah Majlis Islam Sarawak (MIS) disandang oleh Muhammad Azinuddin bin Annuar dan Anugerah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) pula disandang oleh Dayang Ellysha Ezrein binti Abang Noran.

Kini, Alumni IKMAS telah menyumbang khidmat dan bakti dalam pelbagai lapangan tugas dan pekerjaan. Hal ini membuktikan bahawa keluaran IKMAS turut membantu dalam merancakkan lagi usaha dakwah di Bumi Kenyalang. Semoga IKMAS akan terus melahirkan modal insan berkemahiran serta mampu menjadi pendakwah yang berketrampilan dan berwibawa.



Penerima anugerah sempena Majlis Istiadat Konvokesyen IKMAS Kali Ke-17

## *Program Rehlah Ilmiyyah*

Bumi IKMAS sekali lagi dilimpahi penyuburan ilmu Islam apabila berjaya menganjurkan program Rehlah Ilmiyyah yang dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan Insan (JPI) IKMAS dengan undangan khas penceramah yang dibawa oleh Jabatan Agama Islam Sarawak.

Seorang ulama' nusantara yang alim dan faqih iaitu al-Fadhil Dr. Arrazy Hashim, MA merupakan pensyarah Universitas as-Syarif Hidayatullah, Jakarta Indonesia. Beliau telah membahaskan tajuk 'Bermazhab Fiqh dan Bertariqat Sufi' yang mana banyak salah faham di kalangan umat Islam sendiri dalam mendalami ilmu tareqat yang sahih.

Para pelajar dan peserta yang terdiri daripada guru-guru kafa, guru takmir serta masyarakat awam telah mendapat pencerahan berkaitan banyak perkara khususnya kepentingan mempelajari ilmu fiqh dan ilmu tareqat.

Rehlah Ilmiyyah turut diserikan dengan kehadiran Yang Berusaha Tuan Pengarah IKMAS serta para pegawai dan juga ketua-ketua kampung sekitar Telaga Air. Semoga IKMAS terus diberkahi dan dihujani dengan ilmu duniaawi dan juga ukhrawi.



## *Kursus Kepimpinan Pelajar IKMAS (Karisma) 2019*

20 Oktober, Bau - Kursus Kepimpinan Pelajar IKMAS (KARISMA) telah dilaksanakan dengan jayanya selama 2 hari bertempat di Libiki Bamboo Resort, Bau, Kuching.

Program yang bermula hari Sabtu dan Ahad ini melibatkan seramai 18 orang pelajar yang terdiri di kalangan lantikan baharu Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2019/2020.

Antara pengisian program ialah Ice Breaking, LDK, Ceramah Kepimpinan, Imsak Walk, Explorace dan pelbagai lagi aktiviti kepimpinan.

Semoga IKMAS berjaya melahirkan pemimpin yang berkebolehan dan berketrampilan.



## Majlis Penyampaian Sijil Profesionalisme Imam

Pada 26 November 2019 bersamaan 29 Rabiul Awal 1441 bertempat di Persada Majma Tingkat 17, Bangunan Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah telah melakar sejarah baru bagi Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) kerana berjaya berganding bahu bersama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dalam menjayakan Majlis Penyampaian Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak bermula jam 11.00 pagi. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM, Yang Berusaha Ustaz Haji Mual bin Suaud, Pengarah Jabatan Mufti Negeri Sarawak, Yang Berusaha Ustaz Hamdan bin Jar'ee', Pengarah JAKIM Sarawak dan Yang Berusaha Ustazah Kartini bin Haji Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS bagi mewakili Pengarah IKMAS.

Majlis penyampaian sijil ini merupakan julung kali diadakan bagi meraikan kumpulan pertama imam-imam negeri Sarawak yang telah berjaya mengikuti 4 siri program Sijil Profesionalisme Imam. Seramai 20 orang imam telah layak untuk menerima Sijil Profesionalisme Imam kerana berjaya mengikuti kesemua 4 siri dan lulus peperiksaan bertulis. Para penerima sijil telah dijemput bersama pasangan masing-masing bagi meraikan hari yang teristimewa ini.

Dalam ucapan Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, beliau merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada imam-imam yang berjaya menerima sijil pada kali ini. Beliau juga turut memaklumkan program Sijil Profesionalisme Imam akan diteruskan untuk tahun-tahun akan datang.

Majlis penyampaian juga turut diserikan dengan tayangan montaj yang disediakan oleh pihak urusetia berkenaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh para imam selama mengikuti program Sijil Profesionalisme Imam tersebut. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua peserta dan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini.

## Pelancaran Portal MYIKMAS

26 November 2019 - Majlis Pelancaran Portal MYIKMAS diadakan di Aras 17 Maj'ma Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah (Kompleks Islam) Kuching Sarawak.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha. Turut hadir YBhg. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM, YBhg. Ustaz Hamdan bin Haji Jar'ee, YBhg. Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, YBhg. Ustazah Kartini Haji Ahmad, Puan Nur Amie binti Ismail, selaku wakil Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat, Pegawai-pegawai Kanan IKMAS, urusetia daripada Majlis Islam Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak.

Pembangunan Portal mylkmas merupakan kerjasama IKMAS dengan Bahagian Pengurusan Maklumat JAKIM Putrajaya. Portal ini merupakan sistem pengurusan maklumat secara atas talian bagi memudahkan capaian urusan permohonan kemasukan ke IKMAS, maklumat akademik pelajar, maklumat pensyarah IKMAS, hal ehwal pelajar, fasiliti serta kemudahan IKMAS, urusan konvokesyen dan Alumni IKMAS.

Semoga Portal mylkmas ini dapat memberikan banyak manfaat serta memudahkan urusan semua pihak dalam urusan pada masa akan datang.

# *Program Menyemai Bakti VRMAS Kali Ke-18*

29 Oktober 2019 – Majlis Perasmian Program Menyemai Bakti telah diadakan di Dewan Serbaguna Ranchan, Serian. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Encik Mahyudin Hafiz bin Mohd, Pegawai Tadbir Pejabat Bahagian Serian.

Program ini merupakan medan dalam penyebaran ilmu yang telah dipelajari oleh pelajar semester akhir Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) untuk diaplikasikan ke dalam hidup bermasyarakat.

Program ini melibatkan pelajar semester 6 Diploma Dakwah Islamiyyah iaitu seramai 48 orang pelajar yang dibahagikan kepada lima buah kampung di sekitar Serian. Kampung tersebut ialah Kampung Senah Rayang, Kampung Ulu Serian, Kampung Jaya Ria, Kampung Rimba Padi dan Kampung Sungai Buluh Bedup di Serian.

Para pelajar telah berada di lapangan selama satu (1) bulan bagi mempraktikkan ilmu secara teori dan praktikal di kampung-kampung yang telah diagihkan. Perancangan aktiviti yang telah dibuat oleh pelajar dilaksanakan mengikut kumpulan yang telah dibahagikan. Antara aktiviti yang dilaksanakan di kampung-kampung tersebut adalah kelas pengajian, Tahsin al-Quran, cara penyembelihan, cara menguruskan jenazah, sukaneka, khidmat masyarakat dan sebagainya.



# *Perarakan dan Pertandingan Sepanduk Bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sarawak 1441H/2019M*

10 November 2019 - Bersempena dengan Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Sarawak yang dihadiri kira-kira 11,000 peserta, IKMAS telah menghantar sebanyak empat (4) kontinjen iaitu seramai 200 orang yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar IKMAS untuk menyertai perarakan yang berlangsung di Padang Merdeka Kuching, Sarawak.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak iaitu YAB Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, dengan bertemakan "Ummah Gemilang".

Sebanyak 279 kontinjen mewakili agensi kerajaan, badan-badan berkanun, firma swasta, Jawatankuasa masjid dan surau, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Institut Pengajian Tinggi (IPT), sekolah, kontinjen khas (bukan Islam) dan banyak lagi.

Kontinjen IKMAS telah memenangi tempat ke-4 bagi kategori IPT yang turut disertai oleh UITM, UNIMAS dan IPT lain.

Semoga kita semuanya menjadikan Rasulullah SAW sebagai qudwah dan ikutan yang terbaik dalam semua lapangan kehidupan termasuk pengurusan integriti dan tadbir urus bagi kelestarian semua pihak.



# JATI DIRI PEMIMPIN

Oleh: Karia bin Haji Rahmat  
(Ketua Jabatan Penerbitan IKMAS)

"Islam merupakan agama yang menyediakan pakej lengkap dan padat ke arah memartabatkan jati diri Muslim (JAKIM, 2003:23). Malah menurut Prof. Dr. Sidek Baba (2006:28), sifat jati diri amat penting untuk melahirkan insan cemerlang yang mampu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ujian. Oleh itu, dalam konteks negara kita Malaysia, pembangunan seimbang yang kita nikmati ini sebenarnya adalah daya usaha para pemimpin dalam statusnya masing-masing bagi melahirkan generasi yang utuh jati dirinya dan berdaya juang untuk menghadapi pelbagai cabaran semasa. Ini kerana cabaran hidup kadangkala menjadikan kita insan yang lebih tabah dan berani, namun tidak kurang juga ada yang menjadi sebaliknya. Oleh itu, beberapa aspek penting dari segi pembangunan akidah, sosial dan intelektual perlu diberi perhatian dari semasa ke semasa supaya jati diri umat Islam terus unggul dan dipandang tinggi (JAKIM,2003:1). Islam sebagai *addeen*, sebagai "way of life" yang lengkap "syumul", (*al-Maidah*,3, *al-An'am*, 162, *al-Baqarah*, 85, 208) dan agama di sisi Allah SWT (*Ali-Imran*,19) perlulah difahami dengan jelas, dihayati secara menyeluruh dan dilaksanakan secara global dalam kehidupan. Dengan erti kata lainnya, anjakan paradigma setiap lapisan pemimpin dalam melaksanakan amanah kepimpinan perlulah memahami dan mendominasi pemikiran bahawa Islamlah merupakan satu-satunya agama yang menyediakan pakej lengkap dan padat ke arah memartabatkan jati diri Muslim. Dengan peningkatan penghayatan Islam, akan bersemaraklah kesedaran-kesedaran yang tinggi (iman yang jitu dan padu) untuk mengaplikasikan segala ajaran dan suruhan (*amar ma'ruf*) Allah SWT dan RasulNya dalam arena kehidupan, di samping meninggalkan segala tegahan dan larangan (*nahi mungkar*) Islam. Sebagai natijahnya nanti, berbekalkan jati diri yang bersifat menyeluruh dan bersepadau, akan benarlah seperti apa yang diungkapkan oleh al-Mahrum as-Syahid Syed Qutub (1979); "**Masyarakat Islam adalah sebenar-benarnya masyarakat yang bertamadun (berkebudayaan)**".

Jati diri ialah suatu sifat yang menggambarkan seseorang yang mempunyai akhlak, peribadi, personaliti yang baik, murni, mulia dan sempurna. Jati diri terungkap dalam keindahan dan kemantapan berbahasa dan berbudaya dan jati diri juga dihubungkan dengan keteguhan prinsip dan penghayatan beragama (Prof. Dr. Sidek Baba,2006:28). Jati diri menurut falsafah Pendidikan Negara adalah bertujuan untuk membina jasmani yang kuat, emosi yang seimbang, rohani yang kukuh dan intelek yang bermaklumat. Oleh yang demikian, kesepaduan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) amat berkait rapat dengan perkembangan dan pembangunan *Physiological Quotient (PQ)*, *Emotional Quotient (EQ)*, *Spiritual Quotient (SQ)* dan *Intellectual Quotient (IQ)*. Jika kesepaduan PQ, EQ, SQ dan IQ dijadikan perisian kepada pembangunan jati diri insan, akan terbinatal natijah seperti gambaran al-Quran iaitu modal insan yang seolah-olah akarnya menjunam ke dasar bumi dan buahnya mendongak ke langit. Dengan erti kata lainnya, ia merupakan modal insan yang kuat, kukuh iaitu dengan menjadikan agama sebagai paksi dasar kekuatan.

Selain itu, konsep jati diri adalah bertujuan untuk membentuk dan membina diri setiap individu ke arah positif. Jika dilihat dengan teliti, banyak proses dan perkara yang perlu dilakukan, antaranya ialah mengenal pasti sikap-sikap yang perlu ada semasa berinteraksi, berkomunikasi, bekerjasama dan dalam membuat sesuatu pertimbangan. Manakala konsep jati diri insan pula bertujuan membentuk ketrampilan diri dari segi pemikiran, pergerakan, berpakaian, penggunaan bahasa, cara memberi maklum balas dan tindakan balas secara

positif serta mempunyai sifat-sifat murni dalam pergaulan sehari-hari.

Operasi kepemimpinan hampir dalam semua bidang bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Oleh itu, jati diri yang kental amat diperlukan untuk mempermudahkan para pemimpin menerima dan menangani segala perubahan dan perkembangan dengan sebaik mungkin. Sebenarnya setiap insan atau para pemimpin mestilah mempunyai jati diri yang kental sama ada dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Keadaan ini adalah kerana budaya ini amat perlu dan sesuai untuk menghadapi persaingan dalam dunia globalisasi. Budaya jati diri akan menghasilkan insan atau para pemimpin yang mampu bersaing, tabah dan bersemangat.

Secara umumnya, kesan langsung pengukuhan jati diri akan menjadikan hubungan pemimpin dengan Allah SWT akan terpelihara (Habrum minallah). Selain amanah kepemimpinan dilaksanakan sebaik mungkin, para pemimpin yang adil dan bersifat ihsan akan mendapat ganjaran atau pahala di akhirat kelak. Oleh itu, apa yang perlu para pemimpin harapkan ialah sentiasa mengharapkan keredaanNya. Manakala hubungan sesama manusia (Habrum minanas), iaitu para pemimpin dengan mereka yang dipimpin akan memberi keeratan insani dan silaturrahim murni serta memberi implikasi secara menyeluruh sama ada dari sudut pembangunan ekonomi, perkembangan politik, warna-warni sosial, sosio-budaya dan seumpamanya.

Sebagai penutup, penulis mengajak sidang pembaca untuk merenung (iaitu membaca, berfikir, mengkaji dan bertindak) berdasarkan beberapa ambilan kata-kata berikut:

- i. "Negara-negara yang mempunyai tamadun yang tinggi dan sejarah perjuangan yang panjang, mereka sangat berhati-hati dalam hal-hal yang melibatkan jati diri bangsa serta negara"(Abu Hassan Morad.2008:80).
- ii. "Bangsa yang hebat di dunia perlu merantau. Perlu berani untuk menebas rimba kesesatan bagi mengetuai sebuah kebangkitan baru"(Ibid:160).
- iii. "Cabaran selepas pilihanraya ini bukan saja terarah kepada mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap politik Melayu tetapi yang lebih penting bagaimana mendahului agenda perpaduan ummah"(Ibid:192).

Jati diri bangsa, kebangkitan baru dan perpaduan ummah adalah agenda besar yang boleh mengusik serta menggeletek jati diri pemimpin. Mudah-mudahan Allah SWT sentiasa mendidik kita menjadi pemimpin sejati dengan jati diri berkualiti berintikkan al-Quran dan as-Sunnah.

## RUJUKAN

JAKIM. 2003. *Islam Memartabatkan Jati Diri*. JAKIM: Kuala Lumpur.

Prof. Dr. Sidek Baba. 2006. *Rakyat Berjiwa Merdeka*. JAKIM: Putra Jaya.

Abu Hassan Morad. 2008. *Demi Masa*. Galeri Ilmu: Kuala Lumpur.

Anwar Ridhwan. 2005. *Minda Melayu*. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur.

# PENGURUSAN STRESS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Muhamad Fadhli bin Ahmat  
(Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Menurut Sahibus Samahah Dato Seri Dr Harussani Zakaria dalam kertas kerjanya "Pengurusan Stress: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam", stress atau tekanan adalah satu fitrah kehidupan manusia. Pelbagai bentuk ujian dan cubaan dari Allah SWT inilah yang membawa atau mewujudkan tekanan kepada manusia terutama dari sudut psikologi. Tekanan atau stress ini hendaklah ditangani secara berhemah supaya ia meningkatkan kesabaran dan keimanan seseorang. Tambahan pula, stress adalah sebahagian dari ujian dari Allah SWT yang bertujuan untuk menutup atau menghapus dosa (*kaffarah*).

Firman Allah SWT yang bermaksud "Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan harta benda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah? Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah)."

Menurut *Oxford English Dictionary* (1989), stress dari aspek psikologi dan biologi adalah satu keadaan yang kurang disenangi dan mengganggu fungsi normal fisiologi dan psikologi seseorang. *Concise Encyclopedia of Psychology* (1996) mendefiniskan stress adalah merujuk satu situasi yang dirasai terlalu membebankan (perasaan) seseorang.

Stress yang dihadapi secara positif tidak akan menjelaskan seseorang, malahan boleh memberi manfaat seperti *kaffarah* dosa-dosa silam. Namun jika ianya tidak ditangani secara baik, akan menjelaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang.

Stress juga mampu menjadi faktor yang menambahkan lagi kesan negatif sesuatu penyakit. Contohnya, penyakit kulit kronik Systemic Lupus Erythematosus (SLE) yang dihadapi oleh remaja Pahang baru-baru ini, menurut pakar perubatan, stress akan menyebabkan penyakit SLE akan menjadi lebih aktif. Dr Saunders dan Harun Yahya menyenaraikan beberapa simptom fizikal dan mental kesan daripada stress, iaitu sakit kepala, ketegihan dadah, masalah perut, sesak dada, sakit-sakit bahagian belakang, ketagungan pada pangkal leher, tekanan darah yang tidak seimbang, masalah jantung, insomnia, kurang daya kecekapan, hilang tumpuan, mudah marah, kurang motivasi dalaman dan putus asa dalam hidup.

Trend menunjukkan kecenderungan masyarakat terhadap aspek spiritual atau keagamaan dalam perubatan. *Newsweek* telah menjalankan satu pungutan suara di USA di mana hasil dapatan mendapati 72% responden menyatakan mereka mengalu-alukan perbualan berbentuk spiritual dengan doktor mereka. Mereka percaya tuhan akan menyembuhkan penyakit yang tidak mampu ditangani melalui kaedah perubatan.

Antara langkah-langkah yang boleh disarankan bagi menguruskan stress ialah:

## 1. Keterkuhan Aqidah dan Iman

Aqidah iman yang teguh menjadi asas ketenangan seseorang. Kepentingan aqidah dan iman dapat dilihat dari kesungguhan Rasulullah SAW. Baginda berdakwah selama 13 tahun dengan memfokuskan aqidah dan iman kerana ia merupakan penjana motivasi dalam paling efektif dalam menghadapi hidup yang penuh dengan ujian ini.

## 2. Solat

Solat merupakan terapi harian yang banyak memberi manfaat kepada fizikal dan mental selain daripada fungsi utamanya sebagai ibadat yang terunggul dalam Islam. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Farouque Reza, Yuji Ukarami dan Dr Yukio Mano dari Universiti Hokkaido, Jepun menunjukkan gerakan-gerakan dalam solat memberi kesan yang positif kepada kesihatan fizikal dan psikologi.

## 3. Memanjangkan Sujud

Sujud bukan sahaja salah satu rukun dalam solat malah berperanan sebagai satu senaman fizikal seperti gerakan-gerakan lain dalam solat. Menurut Dr Muhammad Karim Beebani, posisi sujud adalah satu-satunya posisi yang meletakkan otak lebih rendah daripada jantung. Ia juga bermakna sujud adalah posisi membolehkan darah mengalir dengan sempurna ke bahagian otak. Ia juga memberi kesan positif kepada memori, penglihatan, pendengaran, penumpuan, minda, jiwa dan keupayaan kognitif yang lain.

## 4. Zikrullah

Zikir adalah sebahagian daripada elemen meditasi dalam Islam. Penumpuan yang diberikan ketika zikir akan membantu seseorang akan menjadi lebih tenang. Zikir sebenarnya boleh diamalkan pada bila-bila dan di mana jua.

## 5. Memperbanyak istighfar dan taubat

Kita adakalanya dibelenggu atau dihantui dosa-dosa silam. Dalam Islam, apabila melakukan dosa, umatnya dianjurkan supaya bertaubat dan beristighfar. Taubat dan **istighfar** menghapuskan dosa-dosa tersebut.

## 6. Sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT

Kita diingatkan supaya sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT. Setiap ujian yang dihadapi pasti ada hikmah disebaliknya. Sangka baik didasarkan kepada kepercayaan kita kepada janji-janji Allah seperti *kaffarah* dosa atas segala musibah yang tertimpा.

## 7. Qailullah

Qailullah atau *midday nap* adalah satu daripada Sunnah Nabi SAW. Baginda biasanya tidur sekejap pada waktu tengah hari iaitu sebelum waktu solat zuhur kecuali Hari Jumaat, baginda hanya tidur (Qailullah) selepas solat Jumaat.

## 8. Diet yang sihat

Kita dinasihatkan supaya memastikan makanan yang diambil bukan sahaja halal tetapi seimbang dan mengandungi nutrisi yang diperlukan oleh badan.

## 9. Senaman

Kita juga dinasihatkan agar kerap melakukan aktiviti riadah sebagai salah satu kaedah efektif untuk menjaga kesihatan. Nabi SAW menggalakkan kita agar bersenam atau riadah, di mana baginda menyebut secara khusus aktiviti senaman seperti menunggang kuda, berjalan, memanah dan berenang.

## 10. Doa

Doa berperanan sebagai saluran untuk memohon pertolongan terus kepada Allah SWT. Setiap hamba perlu memperbanyak doa kepada Allah SWT. Ia merupakan sebagai tanda pergantungan seorang hamba kepada Tuhan.

Kesimpulannya, setiap masalah atau penyakit tentu ada penawar atau penyembuhnya. Penawar yang paling mustajab ialah kembali kepada Allah SWT. Jika kita sentiasa positif dengan setiap apa yang berlaku ke atas diri kita, sesungguhnya Allah SWT akan memberikan kemudahan dan jalan yang terbaik kepada kita di dunia dan akhirat.

# *Hari Mesra Sempena Majlis Istiadat Konvokesyen IKMAS Kali ke 17*

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah mengadakan Hari Mesra bersempena dengan Majlis Konvokesyen IKMAS Kali- Ke-17 pada 3 dan 4 Ogos 2019 di perkarangan IKMAS. Aktiviti tersebut dijalankan setiap tahun bagi meraikan graduan IKMAS yang telah berjaya menamatkan sesi pengajian selama 3 tahun dalam bidang Diploma Dakwah Islamiyyah.

Pelbagai acara pertandingan yang dijalankan pada hari tersebut seperti Pertandingan Bola Jaring, Futsal, Petanque, Pertandingan Mewarna dan Memasak. Pertandingan tersebut telah dibuka penyertaan kepada masyarakat setempat, sekolah-sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di sekitar Kuching.



# *Malam Kesenian Islam Sempena Majlis Istiadat Konvokesyen IKMAS Kali Ke-17*



4 Ogos 2019 – IKMAS telah mengadakan Malam Kesenian Islam yang turut diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen IKMAS Kali- Ke-17 bertempat di Ruang Legar Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (Kompleks Islam Sarawak). Pelbagai acara yang dipertandingkan pada hari tersebut di sebelah siangnya diikuti dengan persembahan yang menarik daripada pelajar-pelajar IKMAS seperti silat, pentomin, qasidah Arab, serta persembahan nasyid daripada artis jemputan iaitu Kumpulan Nasyid Wildaniey.

Manakala bagi acara pertandingan yang dijalankan pada hari tersebut adalah seperti Pertandingan Choral Speaking Dwi-Bahasa, Pertandingan Busana Cilik, Pertandingan Hafazan Sekolah Rendah, Pertandingan Khat dan Pertandingan Nasyid Sekolah Menengah. Malam Kesenian Islam telah diserikan dengan kehadiran YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda Elektrik Luar Bandar sebagai perasmi bagi Program Malam Kesenian Islam 2019.

## KURSUS PEMANTAPAN KELUARGA DAN PENGURUSAN IBADAH PESAKIT



31 Oktober 2019 - Jabatan Pembangunan Insan telah mengakhiri kursus tahunan anjuran IKMAS dengan mengadakan 2 kursus pada minggu ini.

Pada 28 & 29 Oktober 2019 telah diadakan Kursus Pemantapan Keluarga dan pada 30 & 31 Oktober 2019 telah diadakan Kursus Pengurusan Ibadah Pesakit.

Kursus tersebut telah dihadiri oleh penjawat awam dan swasta. Semoga dengan perkongsian daripada para penceramah dapat diamalkan dan disebarluaskan kepada masyarakat dan rakan-rakan di tempat kerja masing-masing.

Majlis penangguhan kursus disempurnakan oleh Timbalan Pengarah IKMAS. Terima kasih kepada semua yang menjayakan kursus-kursus di Jabatan Pembangunan Insan.



## LAWATAN KERJA TUAN HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN, TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN JAKIM



26 November 2019 - YBhg. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM telah melawat Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).

Beliau yang diiringi oleh YBhg. Ustaz Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin, Ketua Jabatan Akademik IKMAS telah disambut oleh YBhg. Ustaz Ainuddin bin Haji Dolhakim, Pendaftar IKMAS dan YBhg. Ustaz Mohd Fadhli bin Ahmat, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar IKMAS.

Seterusnya beliau mendengar taklimat ringkas mengenai IKMAS dan melawat sekitar IKMAS dalam rangka mengenalpasti kemudahan sedia ada, perkembangan dan permasalahan di IKMAS.

Semoga kehadiran Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman ke IKMAS memberi impak kepada perkembangan IKMAS pada masa akan datang.

# Lensa IKMAS



16 - 18 Julai - Kursus Pengurusan Stress



17 - 18 Julai - Program Bintang Remaja Islam (BIRI) IKMAS bersama Ustazah Ainul Nadzifah



27 Julai - 8 Orang Pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat IKMAS Berjaya Mendapat Segulung Diploma Pada Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Kali Ke-28



21 - 23 Ogos - Bengkel Penggubalan Kurikulum bagi Program Persijilan Islam oleh Bahagian JJK dan BDKI



2 - 25 Ogos - Program Khidmat Masyarakat Pelajar Semester 5 DTQ



28 - 29 Ogos - Kursus Komunikasi Dakwah Baru

30 Ogos - Perhimpunan Bulanan IKMAS Ogos 2019



6 September - Bicara Integriti IKMAS: kerjasama IKMAS dan Unit Integriti Jabatan Perdana Menteri



27 September - Lawatan Rombongan Pejabat Qadi Daerah Batu Pahat Johor



27 September - Latihan Perbarisan Kakitangan IKMAS Sempena Rapat Raksasa Hari Jadi Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak Kali Ke 83

# Lensa IKMAS



10 Oktober - Raptai Penuh Perbarisan Rapat Raksasa Hari Jadi Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak Kali Ke 83

15 Oktober - Perkongsian Dakwah Etnik oleh Tuan Haji Mohd Nicholas Sylvester Abdullah

17 Oktober - Kunjung Hormat Pengarah IKMAS ke Koperasi Malaysia Cawangan Kuching



21 Oktober - Kursus Pengurusan Jenazah

21 Oktober - Lawatan S.K Agama Sibu Majlis Islam Sarawak ke IKMAS

25 Oktober - Kursus Pra Perkahwinan



30 Oktober - Program Motivasi dan Jalinan Kasih SMK Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) dan IKMAS

29 November - Lawatan Kerja Jabatan Jaminan Kualiti IKMAS ke Politeknik Kuching



4 Disember - Kunjung Hormat Sedidik ke IKMAS

12 Disember - Solat Hajat Memohon Kesejahteraan TKPO JAKIM

# *Sekalung Tahniah*



Selamat datang kepada Ustaz Muhammad Faizul bin Kanaini. Semoga terus menabur khidmat bakti yang tidak terhingga di IKMAS.



Sekalung tahniah kepada Ustaz Fadhl bin Ahmat di atas pengtaulianan sebagai ahli Sarawak Civil Service Community of Practice (SCS-CoP) dalam Bidang Psikologi dan Kaunseling. Semoga menjadi inspirasi buat warga IKMAS.



Terima kasih diucapkan kepada Puan Halimah binti Lapok atas segala sumbangan dan selamat bertugas di tempat baru.



Terima kasih diucapkan kepada Puan Umikalsum binti Kosol atas segala sumbangan dan selamat bertugas di tempat baru.

# *Jom Masuk Ikmas Jakim*

## **SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH**

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan Warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

## **SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT**

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin
  2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut :
    - i. Bahasa Melayu
    - ii. Bahasa Arab
    - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
    - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
    - v. LULUS temuduga
- Atau
- vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

اینستیتو گماہیران اسلام ملیسیا سراوے

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Peti Surat 2867, Jalan Matang  
93050 Kuching, Sarawak  
Tel : 082-843 477, 475  
Faks : 082-843 440, 439  
Email: [ikmas@islam.gov.my](mailto:ikmas@islam.gov.my)